

NAMA : _____ TARIKH : _____
Arahan : Baca petikan di bawah. Seret pilihan jawapan pada tempat yang betul.

Tema 4 : Perpaduan

Unit 11 : Meraikan Penyatuan / Buku Teks m/s 85

Menyatakan Idea.

Meriahnya Perayaan



Negara Malaysia namamu terserlah,
Perpaduan utuh musuh pasti kalah,
Harmoni di rumah juga di sekolah,
Raikan persamaan usah berbalah.

Pelbagai bangsa aneka budaya,
Semangat berpadu mewarnai raya,
Saling menghormati saling percaya,
Jaga kesopanan dalam media maya.

Rumah terbuka juadah berselera,
Makan bersama jalinan mesra,
Rakan taulan seperti saudara,
Susah dibantu tanpa berkira.

Pelbagai kaum warisan persembahan,
Suasana ceria jelas kemeriahan,
Berganding bahu warisan dipertahan,
Seni dan budaya penuh keindahan.

Rubini : Syair tadi menceritakan

Penyair menyarankan

Selain itu, penyair berharap

Shu Fen : Rumusan keseluruhan isi syair ialah

Agar semua kaum saling menghormati, saling mempercayai dan bersopan santun. Penyair juga berharap agar seni budaya pelbagai bangsa sentiasa dipelihara.

Agar menjadikan kawan pelbagai kaum sebagai saudara yang perlu dibantu.

Kita mestilah mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang bangsa. Kita patut mengamalkan sikap harmoni dan saling menghormati di samping meraikan perayaan kaum dan keunikan budaya.

Perpaduan di Malaysia yang sentiasa kukuh dan harmoni